


PROSIDING
KOLOKIUUM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG
2002 - 2003



ISSN 1675 - 8919

Diterbitkan oleh
UPENA
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang
Lintasan Semarak
26400 Bandar Jengka
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-4602000
Faks: 09-4602455
www.uitm.edu.my

Rekabentuk Kulit/Rekaletak
Mohd Rozaidi Ismail

© UPENA UTM PAHANG 2004

Hak Cipta terpelihara, setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat keizinan Pengarah Kampus, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang terlebih dahulu.

Dicetak oleh
Printco Marketing
3112 Taman Sekilau Maju
Bukit Sekilau
25200 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel/Faks: 09-5130020

ISSN 1675-8919

Percetakan dan Penjilidan Dalam
Zulkifli Abdullah
Jalcairul Azris Jalaluddin

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis dalam prosiding ini adalah pandangan peribadi mereka sendiri dan tidak mewakili pandangan sidang pengarang dan penerbit UPENA Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.

BIRO KOLOKIUUM UPENA Cawangan Pahang

Ketua
Mohamad Azmi Nias Ahmad

Penolong
Roselina Musahar

Setiausaha
Zulkiflee Mohamed

AJK Perhubungan
Mohd Soffi Puteh

AJK Penyediaan Makanan
Sabariah Jamaluddin

AJK Prosiding
Norlaila Abdullah

AJK Peralatan I
Shamsul Kamal Shahrudin

AJK Peralatan II
Jaicairul Azris Jalaluddin

KANDUNGAN

1	INTEGRATION OF PLANTATION CROPS WITH SEVERAL TIMBER SPECIES: EFFECTS ON GROWTH AND YIELD Ahmed Azhar Jaafar, Wan Hanisah Wan Ismail, Norman Kasiran & Dr. Suhaimi Muhamed	1
2	KOMPONEN UTAMA DARIPADA BAHAGIAN AKAR <i>THOTTEA CORYMBOSA</i> Siti Zaiton Mat So'ad, Nik Idris Yusoff & Jalifah Latip	13
3	BUNYI SERANGGA: SUATU PENDEKATAN SAINTIFIK M. Muzamil, M.I Zaidi, S. Azman & M.Y. Ruslan	19
4	AL-QURAN DAN PEMBINAAN UMAT BERTAMADUN Rasid Muhammad	23
5	FALSAFAH DAN KEWAJIBAN PUASA Amiruldin Md. Sham	29
6	E-COMMERCE: AN OVERVIEW Yusniyati Yusri & Mohamad Azmi Nias Ahmad	33
7	THE IMPACT OF ASEAN FREE TRADE AREA (AFTA) ON THE INFORMATION TECHNOLOGY (IT) INDUSTRY IN MALAYSIA. Irzan Ismail	37
8	PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM PENCARIAN & PENYEBARAN MAKLUMAT DI KALANGAN KAKITANGAN AKADEMIK Nurulizzah Mohamed	45
9	AWARENESS OF STUDENTS TOWARDS ACCOUNTANCY AS A PROFESSION Mohamad Azmi Nias Ahmad	65
10	RAMALAN PELAJAR DENGAN KAEDAH PENYAHKABURAN HUBUNGAN MANTIK KABUR BAGI DATA OUTPUT Nazirah Ramli	75

KANDUNGAN

11 HUBUNGAIT ANTARA PENCAPAIAN MATEMATIK PELAJAR ALIRAN SAINS UITM PAHANG DENGAN PENCAPAIAN MATEMATIK PERINGKAT SPM & FAKTOR PERIBADI Azizah Aris & Salimah Ahmad	81
12 HOW TO MAKE THE BOARD EFFECTIVE FOR GOOD PRACTICES OF CORPORATE GOVERNANCE Yusniyati Yusri & Mohamad Azmi Nias Ahmad	91
13 TARGET COSTING: AN APPROACH TO COMPETITIVE ADVANTAGE Nortaila Abdullah	97
14 FORENSIC ACCOUNTING I Hari Ramulu Munusamy	103
15 FORENSIC ACCOUNTING 2 – FRAUD Hari Ramulu Munusamy	109
16 INSTABILITY IN LIABILITY INSURANCE SYSTEM Rosmi Yuhasni Mohamed Yusuf	117

ABSTRAK

Kebanyakan umat Islam kini tidak memahami kewajipan puasa dalam erti kata yang sebenar. Pelaksanaan ibadah ini tidak berlandaskan kepada pengetahuan dan kefahaman yang mendalam. Puasa perlu dilihat dari sudut falsafah dan konsep yang tepat berdasarkan kepada wahyu dan akal.

Berdasarkan Surah al-Baqarah: 183 -187, beberapa perkara perlu diambil perhatian:-

1. Puasa telah diwajibkan ke atas umat-umat terdahulu tetapi ahli kitab telah mengubah dan menggantikan kewajipan tersebut. Bukan lagi di bulan ramadhan (musim yang sangat panas) tetapi di musim semi (antara musim panas dan musim dingin). Bilangan puasa juga ditambah kepada 50 hari sebagai *kaffarah* kerana tidak menunaikan pada waktu yang ditetapkan.¹

Puasa adalah media yang paling ampuh untuk membersihkan jiwa dan ibadah yang paling efektif yang dapat mengekang hawa nafsu. Sebab itulah puasa diwajibkan dan disyariatkan kepada seluruh umat beragama sekalipun bagi mereka yang menyembah berhala. Puasa ini sudah dikenali sejak zaman Mesir kuno. Selanjutnya meluas sampai ke zaman Yunani dan Romawi. Penganut Hindu juga tetap melakukan ibadah puasa hingga ke saat ini.²

2. Puasa dapat menumbuhkan rasa taqwa. Ini menunjukkan betapa besarnya faedah puasa dan hikmahnya yang sangat tinggi. Puasa cuba membiasakan jiwa manusia supaya meninggalkan keinginan-keinginan nafsu yang diharuskan demi melaksanakan perintah Allah dan mengharap pahala daripadanya. Jiwa yang bertaqwa ini akan mudah untuk meninggalkan perkara-perkara yang haram terutama dalam mematahkan syahwat perut dan kemaluan. Ini disebabkan manusia sentiasa dipengaruhi hidupnya oleh dua faktor ini, iaitu perut dan kemaluannya.³

Dengan puasa, mental kita terlatih dalam menghadapi godaan nafsu syahwat yang diharamkan dan kita dapat menahan diri untuk tidak melakukannya. Di dalam hadis sahih ada menyatakan: "*Puasa itu adalah sebahagian daripada sabar*". Seterusnya kita dapat mengetahui bahawa Allah mewajibkan puasa ini adalah untuk kemaslahatan kita.

Al-Qaffal rah. pernah berkata:

Perhatikan rahmat Allah dalam menentukan kewajipan puasa:

- *Bahawa puasa yang diwajibkan ke atas umat Muhammad SAW adalah merupakan lanjutan dari syariat umat-umat terdahulu.*
- *Bahawa puasa adalah faktor yang membawa tumbuhnya rasa taqwa – andainya ia tidak diwajibkan tentulah akan hilang hikmah yang sangat mulia ini.*
- *Bahawa puasa hanya pada hari-hari tertentu sahaja – kalau diwajibkan secara terus menerus sepanjang tahun tentu akan merasa sangat berat dan sulit.*
- *Bahawa puasa diwajibkan pada bulan yang diturunkan al-Quran kerana kedudukan sebagai bulan yang istimewa.*
- *Bahawa untuk menghilangkan kesulitan dalam melaksanakan kewajiban puasa, Allah SWT memperkenankan berbuka bagi musafir dan orang sakit dan mereka perlu menggantikannya pada hari-hari yang lain.⁴*

Bagi orang-orang yang berat melakukannya seperti orang telah lanjut usia dan tidak kuat untuk berpuasa dibolehkan berbuka tetapi mereka perlu membayar fidyah.

HIKMAH PUASA

Puasa dapat membiasakan seseorang untuk takut kepada Allah, baik ketika bersendirian mahupun bersama ramai. Ia merasakan bahawa Allah sentiasa mengawasinya. Jika meninggalkan keinginan-keinginan yang ada di hadapannya dalam rangka melaksanakan ibadah puasa dan taat kepada perintah Allah selama sebulan penuh, bererti ia telah membiasakan dirinya untuk bertakwa kepada Allah. Ini bererti dia telah dapat menyempurnakan diri dan berlatih untuk mengekang hawa nafsunya.

Puasa juga dapat menurunkan ketegangan syahwat dan dapat menjadikan jiwa seseorang dapat menghindari berbagai keinginan. Seterusnya ia dapat menumpukan perhatiannya untuk mengerjakan apa yang mendapat reda Allah.

Ia juga dapat melatih diri untuk memiliki sikap kasih sayang. Sikap ini akan mendorong seseorang untuk membelanja dan menyedekahkan hartanya kepada orang fakir dan miskin. Puasa ini juga menunjukkan kebersamaan umat secara menyeluruh dan seterusnya menanamkan rasa persaudaraan Islam.

Ia juga membiasakan umat Islam untuk lebih teratur dalam kehidupan mereka. Puasa mempunyai waktu dan tempoh yang ditentukan. Jadi mereka berbuka di waktu yang sama dan tiada seorangpun yang mendahuluinya.

Dari segi kesihatan, puasa dapat menghancurkan bahan-bahan yang mendap di dalam tubuh seperti lemak. Puasa juga dapat mengeringkan kelembapan yang membahayakan tubuh. Ia juga dapat membersihkan perut dari pelbagai kotoran dan racun.

OBJEKTIF PUASA

Puasa yang diwajibkan oleh Allah mempunyai banyak objektif atau matlamat yang perlu dicapai oleh manusia. Antaranya:

1. Untuk menghapuskan dosa-dosa yang telah dilakukan.
2. Untuk mencapai darjat takwa kepada Allah.
3. Untuk mendapatkan rahmat, keampunan dan kebebasan dari api neraka.
4. Untuk mendapatkan pahala yang sangat banyak yang tidak terdapat di dalam amalan-amalan lain.

Untuk mencapai objektif puasa beberapa tips yang disarankan oleh al-Imam al-Ghazali perlu diikuti:-

1. Mencegah mata daripada memandang kepada perkara-perkara yang dicela dan dimakruhkan juga kepada perkara-perkara yang melalaikan hati daripada mengingati Allah SWT.
2. Menjaga lidah daripada perkataan yang sia-sia, berdusta, mengumpat, mencela dan bersumpah palsu. Al-Imam al-Auza'ie berpendapat bahawa perbuatan mengumpat merupakan perbuatan yang membatalkan puasa.
3. Menjaga telinga daripada mendengar tiap-tiap yang makruh dan haram. Tiap-tiap perkara yang haram diucapkan, haram juga mendengarnya.
4. Menjaga anggota-anggota lain seperti kaki dan tangan dari segala dosa dan maksiat. Barang siapa yang melakukan maksiat kepada Allah sedangkan ia berpuasa samalah seperti ia membina sebuah rumah dan dalam masa yang sama meruntuhkan sebuah kota.
5. Tidak membanyakkan makan walaupun yang halal waktu berbuka sehingga perutnya penuh.
6. Hendaklah sesudah berbuka, hati mempunyai perasaan antara takut dan mengharap kerana tidak mengetahui samada puasanya diterima atau tidak.⁵

DORONGAN / MOTIVASI PUASA

Dalam Ayat 183, Surah al-Baqarah dan hadis-hadis Nabi mengandungi pengukuhan tentang kewajiban puasa, sekaligus memberi dorongan untuk melaksanakannya. Memang, puasa merupakan kewajiban yang berat. Sesuatu yang berat jika diwajibkan kepada orang ramai, maka ia akan menjadi mudah untuk dilakukan sekaligus akan memberi dorongan kepada mereka untuk melaksanakannya. Di samping kewajiban ini dikenakan kepada semua orang yang beriman, ada dua lagi faktor yang mendorong manusia berpuasa iaitu:

1. Iman
Puasa merupakan kewajiban yang ditentukan oleh Allah. Sebagai seorang beriman ia akan mematuhi dan melaksanakan perintah tersebut. Iman adalah pendorong utama ke arah melaksanakan perintah Allah.

2. Pahala

Sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang mesti ada sebab yang tertentu. Ganjaran dan upah adalah faktor pendorong ke arah perbuatan tersebut. Oleh puasa yang dilakukan oleh seseorang mesti didorong oleh pahala yang ingin diperolehinya.

PENUTUP

Kewajipan puasa perlu difahami dari sudut yang luas. Bukannya sekadar menahan diri dari lapar dan dahaga. Sebelum menunaikan puasa terlebih dahulu perlulah membuat kajian dan ulangkaji terhadap peraturan puasa agar kewajiban ini dapat dilaksanakan berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Sesuatu amalan juga perlu dilaksanakan berlandaskan ilmu yang mendalam agar Allah menerima dan memberi ganjaran terhadap amalan tersebut.

¹Lihat tafsir Kasyaf, 1:172

²Lihat terjemah Tafsir Al-Maraghi, 2:115-116

³Lihat tafsir Fakhur Razi, 5:77

⁴Lihat terjemahan tafsir Ayat Ahkam Ash Shabuni, 1:148

⁵Lihat Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 2, 14 – 20